



Received: 2021-03-23

Accepted: 2021-04-15

Published: 2021-04-30

Original Article**Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa¹*****Discourse on the Decolonization of Knowledge and the Formation of Local Wisdom through Philosophy Courses and Current Issues***

Muhammad Hazim Mohd Azhar^{a*}, Khalid Ismail^b, Abdul Salam Zulkifli^b, Wan Mohd Amjad Wan Halim^b, Ahmad Zakwan Mohd Fadzil^c, Jamaliah Aurani^b, Basri Abd Ghani^b, Che Latifah Ismail^b, Afiffudin Mohamed Noor^b & Jamahizan Johari^b

^a Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya

^b Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia

^c Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Malaysia

* Corresponding author, email; hazimazhar2016@gmail.com

ABSTRACT

The Philosophy and Current Issues Course is one of the two courses that have been introduced to students in addition to the Ethics and Civilization course. It is a prerequisite for all students at the undergraduate level to complete the course. It shows the importance of philosophy in our daily life. The initial problem is that philosophy oftenly regarded as difficult, ambiguous, heavenly and has no direction. Such perception need to be changed and philosophy need to be seen as applicable for life. This paper is a result of the discussion of several UiTM lecturers who teach this course. Based on a content analysis approach, this paper aims to build an understanding of the Philosophy Course and Current Issues by discussing on the course information and key topics according to 'local wisdom' perspectives to build backgrounds and problems. Indeed this course is critically important due to its noble aims. It is hoped that the course could eventually capable of forming balanced human beings that will produce good society as the cornerstone of a glorious human civilization based on the narrative of local wisdom.

Keywords: Philosophy, Local Wisdom, Decolonization, Philosophy Courses and Current Issues, CTU552

ABSTRAK

Kursus Falsafah dan Isu Semasa merupakan salah satu daripada dua kursus yang baru diperkenalkan kepada mahasiswa selain kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Ia menjadi prasyarat kepada

¹ Sekalung penghargaan kepada Dr Asmaa' Mohd Arshad selaku *Resource Person* bagi kursus Falsafah dan Isu Semasa (CTU 552) di UiTM yang telah menyemak makalah ini.

semua mahasiswa di peringkat ijazah sarjana muda bagi menamatkannya. Hal ini menunjukkan kepentingannya dalam aspek kehidupan yang harus difahami dan dihayati. Namun, masalah awalnya ialah ilmu falsafah sering difahami sebagai ilmu yang susah, merawang, melangit dan tiada arah tuju. Persepsi tersebut perlu diubah supaya melihat falsafah membumi dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan. Makalah ini merupakan hasil diskusi beberapa orang pensyarah UiTM yang mengajar kursus ini. Melalui metode analisis kandungan, makalah ini bertujuan membina kefahaman keterikatan topik-topik Kursus Falsafah dan Isu Semasa dengan menyentuh maklumat kursus dan topik-topik utamanya mengikut perspektif kearifan tempatan sebagai pembinaan gambaran latar, permasalahan dan peri-penting kursus ini. Ringkasnya, didapati bahawa kursus ini bertujuan dan berkeupayaan membentuk insan yang seimbang, masyarakat yang baik sebagai batu asas pembinaan tamadun manusia yang gemilang berdasarkan naratif kearifan bernuansa tempatan.

Kata kunci: Falsafah, Kearifan Tempatan, Dekolonisasi, Kursus Falsafah dan Isu Semasa, CTU552

Pengenalan

Bermula sesi pengambilan 2019/2020, dua kursus baharu iaitu Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban wajib diambil oleh mahasiswa sepanjang tempoh pengajian dan diklasifikasikan sebagai prasyarat untuk menamatkan pengajian selaras hala tuju pendidikan berteraskan nilai. Hasrat dan objektif merakmatkan ilmu falsafah haruslah difahami dan dihayati terutamanya para pensyarah yang diberi tanggungjawab mengajarkannya kepada mahasiswa. Aspirasi memperkenalkan Kursus Falsafah dan Isu Semasa oleh menteri pendidikan pada ketika itu iaitu Dr Maszlee Malik (2019) dapat difahami melalui ucapannya:

“Ramai orang menganggap falsafah ialah pengetahuan yang berat dan meletihkan. Hakikatnya, ilmu falsafah ialah ilmu berfikir. Dengan falsafahlah kita belajar mengaturcara fikiran seterusnya membina tamadun pemikiran. Dengan falsafah jugalah kita menganalisa, mencari kebenaran, dan seterusnya merancang penyelesaian. Kerana pada akhirnya, kita mahu memastikan siswazah keluaran universiti kita tinggi pemikirannya, muluk peribadinya, dan sentiasa cuba untuk menyelesaikan masalah masyarakat.”

Namun, terkadang falsafah masih lagi dilihat merewang, melangit dan tiada arah tujuan akibat dari kesamaran aplikasi atau kepenggunaannya dalam kehidupan. Ia sering difahami sebagai disiplin ilmu yang bersifat teoritikal semata. Bahkan lebih parah, ia dianggap sebahagian ilmu yang sesat dan membuang masa.² Salah faham tersebut perlu dijelaskan melalui pemahaman terhadap makna dan tujuan falsafah. Falsafah berpegang pada semangat kecintaan pada ilmu. Ianya mengambil kira sabda Nabi SAW,³ mafhumnya:

² Tidak dinafikan wujud polemik antara perbincangan akidah Islam dengan falsafah dalam tradisi keintelektualan Islam. Paling jelas, Imam Ghazali dalam *Tahafut al-Falasifah* mengkritik beberapa pegangan ahli failasuf bahkan sebahagian pandangan tersebut di'kufur'kan. Tapi harus diingat pertamanya, beliau mendahulukan kritikan tersebut dengan karya *Maqasid al-Falasifah* menunjukkan penguasaan beliau terhadap ilmu falsafah. Kedua, beliau membahagikan falsafah kepada empat cabang besarnya; logik (*Mantiqiyyat*), metafizik (*Ilahiyyat*), matematik (*Riyadiyyat*) dan alam tabie (*Tabi'iyat*). Kritikan beliau lebih tertumpu pada aspek metafizik dan sebahagian isu alam tabie. Bacaan lanjut dalam al-Ghazali, *Tahafut al-Falasifah*, tahqiq oleh Sulayman Dunya (Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1966).

³ Khalid Ismail, dalam *Diskusi Falsafah Siri 1* di UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau pada 14 Februari 2020.

“Jadilah engkau orang berilmu, atau orang yang menuntut ilmu, atau orang yang mahu mendengar ilmu, atau orang yang menyukai ilmu, dan janganlah engkau menjadi orang yang kelima maka kamu akan celaka.”⁴

Oleh itu, bagi sesiapa yang masih beranggapan ilmu falsafah masih lagi bersifat “payah” dan melangit tidak boleh diaplikasikan dalam kehidupan, tindakan pertamanya haruslah membina persepsi baharu bahawa falsafah adalah mudah dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan. Makalah ini menyorot latar dan keperluan pengenalan dan pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa kepada mahasiswa dalam usaha membentuk insan yang seimbang dan holistik yang tinggi upaya keintelektualan dan nilai budi pekerti sebagai asas pembinaan tamadun manusia yang sejahtera. Usaha ini memerlukan kepada pembebasan ilmu dari lingkungan kegelapan dan kejahilan melalui proses dekolonisasi ilmu dan pautan kearifan bernuasa tempatan.

Masalah Sekularisme dan Idea Dekolonisasi

Sebagai latar dan permasalahan, sekitar pertengahan abad ke-19, dunia menyaksikan negara-negara yang dijajah oleh pihak barat mencapai kemerdekaan termasuklah Persekutuan Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, kemerdekaan tersebut boleh dikatakan hanya secara fizikal, tetapi segala sistem kehidupan, baik politik, ekonomi, sosial dan pendidikan masih lagi dari telunjuk dan acuan barat yang berdiri atas falsafah dan semangat Sekularisme. Masalah Sekularisme ini telah diamati oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas sejak 1959 lagi apabila beliau mengungkapkan syair:

*Muslim terenggam belunggu kafir,
Akhirat luput, dunia tercecet,
Budaya jahil luas membanjir,
Banyak yang karam tiada tertaksir.*

*Barus dan Singkel, Pasai dan Ranir
Silam ditelan masa nan mungkir
Lupa Jawaban dihafal mahir
Bagi menyangkal Mungkar dan Nangkir.*⁵

Walaupun semangat sekularisme telah wujud lebih awal di dunia Barat,⁶ penjenamaan Istilah Sekularisme muncul kemudian iaitu pada abad ke-19 khususnya melalui karya George Jacob Holyoake, yang memberi definisi sekularisme sebagai sistem etika yang bertunjangkan

⁴ Hadith riwayat al-Bayhaqi, no. Hadis 277. Lihat, Abu Bakr Ahmad ibn Husayn al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra li al-Bayhaqi* (Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dar al-Baar, 1994).

⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah Untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, 2001), viii.

⁶ Dunia Barat yang dimaksudkan adalah peradaban yang bercampur dari pelbagai sejarah, falsafah, kebudayaan dan nilai. Unsur-unsur falsafah termasuklah epistemologi, asas-asas pendidikan, etika dan estetika diserap dari Yunani kuno. Paksi perundangan, ketatanegaraan dan pemerintahan dari Rom. Kepercayaan dari ajaran Yahudi dan Kristian. Semangat kemerdekaan, kebangsaan, pengembangan ilmu sains tabii, fizik dan teknologi dari Latin, Germanik, Celtik dan Nordik. Dalam bidang ilmu, semangat rasional dan saintifik dari tamadun Islam, tetapi telah disesuaikan dengan acuan Barat. Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, terj., Khalif Muammar A. Harris (Kuala Lumpur: RZS-CASIS.HAKIM, 2020), 168.

prinsip-prinsip moral alami (duniawi) serta tiada kaitan dengan agama atau prinsip supernatural.⁷

Istilah Sekularisme digunakan di dunia Barat yang merujuk kepada nilai kebijakan khusus terhadap wujudnya pemisahan gereja dari negara.⁸ Mungkin kerana ini, istilah Sekularisme diterjemah dan digunakan ke dalam bahasa Arab dengan kalimah *al-'Ilmaniyyah* (العلمانية) iaitu dari akar kata العِلْمُ (ilmu). Bagi al-Attas dan al-Qaradawi masing-masing tidak bersetuju dengan penterjemahan tersebut.⁹

Terjemahan yang lebih tepat menurut al-Qaradawi adalah *al-Ladiniyyah* (اللاذينية) "ketiadaagamaan" atau *al-Dunyawiyyah* (الدنيوية) "keduniaan" kerana ianya mengandungi makna yang tidak mempunyai hubungan dengan agama (الدين), kalau adapun, ia adalah hubungan pertentangan. Menurut al-Attas pula, terjemahan *al-Huna alaniyyah* (الهناالآنية) lebih mendekati falsafah Sekularisme dengan makna "kedisinikinian". Ia berasaskan bahasa Latin iaitu *saeculum* yang mempunyai dua konotasi pengertian iaitu time (masa) dan location (tempat). Waktu merujuk kepada *Now* atau *Present* (Sekarang), manakala *Location* (tempat) merujuk kepada *World* (dunia).¹⁰ *Al-Waqi'iyah* (الواقعية) lebih mendekati makna Sekularisme dengan yang mempunyai makna kedisinikinian yang memberi konotasi sebatas dunia (sini/kini) tanpa menghiraukan akhirat (sana/akan datang).

Secara terminologi pula, sekularisme didefinisikan sebagai satu fahaman falsafah yang membebaskan manusia dari hubungan agama seterusnya dari hubungan metafizik yang menata akal dan bahasanya.¹¹ Maknanya, segala sistem dan amalan kehidupan manusia tidak memerlukan kepada panduan agama serta apa sahaja yang berkait dengan agama seperti Tuhan, Rasul dan kitab suci.

Dalam konteks Barat, agama Kristian yang disisihkan oleh para failasuf mereka kian tegang sehingga diperkenalkan slogan "tuhan sudah mati" oleh Friedrich Nietzsche yang menganggap kepercayaan pada Tuhan melambangkan sikap lemah dan malas untuk mencari hakikat kebenaran. Bahkan menurutnya lagi, kehidupan bertuhan membawa kepada kebekuan dan setelah kematian tuhan, barulah hilang segala kemungkinan perlindungan dari kekuasaan supernatural.¹²

Falsafah Sekularisme akhirnya menyusup masuk ke dalam sistem-sistem tataan manusia Barat merangkumi, politik, ekonomi, sosial, pendidikan, seni dan lain-lain sehingga menjadi tunjang kepada segala ideologi-ideologi yang lahir. Apa yang lebih parah ia menjadi sanjungan

⁷ M. Syukri Ismail, "Kritik Terhadap Sekularisme," *Kontekstualita*, Vol. 29, No.1, (2014), 122.

⁸ *Ibid.*, 102.

⁹ Ugi Suharto, "Al-Attas dan al-Qaradawi Mengenai Islam dan Sekularisme, *Afkar*, Bil.3 (2002), 145.

¹⁰ Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Islamic Civilization (ISTAC), 1993), 16.

¹¹ Pendefinisian ini diutarakan oleh Cornelis van Peursen yang menjawat jawatan ketua bidang falsafah di Universiti Leiden. Definisi telah dicatat dalam laporan persidangan di Ecumenical Institut of Bossey, Switzerland pada September tahun 1959. Definisi ini turut dinyatakan oleh Harvey Cox, seorang ahli teologi Harvard dalam bukunya yang betajuk *The Secular City* terbitan 1965. Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme*. Terj., Khalif Muammar A. Harris, 31.

¹² Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar, "Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat," International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17-18 November 2014, 366-375.

dan amalan negara-negara tinggalan penjajahan kolonial walaupun “agama” tetap menjadi anutan di satu sisi.

Oleh itu, di zaman ini dapat dilihat kemunculan pelbagai aliran yang memperjuangkan cita-cita kemasyarakatan tertentu dalam rangka pembinaan semula masyarakat pada semua aspeknya bertunjangkan ajaran yang diambil dari falsafah, teori dan ideologi tertentu. Dengan kata lain, fahaman-fahaman falsafah seperti sekularisme, nasionalisme, sosialisme, pragmatisme, kapitalisme dan seumpamanya dari teori-teori penyelesaian sekular yang menyisihkan ajaran Islam telah melahirkan kalangan orang yang beragama Islam tetapi memperjuangkan gerakan yang menyeru kepada teori-teori dan ideologi-ideologi tersebut atas nama pembinaan masyarakat dalam segala cabang politik, ekonomi, pendidikan, perundangan dan kemasyarakatan.¹³

Atas kesedaran terhadap kepincangan tersebut, gerakan atau usaha untuk membuang pengaruh penjajah dapat dilihat hampir di setiap negara pasca kolonialisme. Lahir beberapa tokoh ilmuan, pemikir, cendekiawan yang melihat usaha menapis saring segala sistem yang telah dikotori oleh lumpur sekularisme acuan kolonial Barat perlu dilakukan.¹⁴

Dekolonisasi merupakan satu usaha penyahbaratan, yakni membuang pengaruh keilmuan menurut pandangan alam Barat dan membina keilmuan serta mencoraknya kembali menurut kearifan setempat. Keperluan melakukan proses dekolonisasi adalah kerana muncul kesedaran rentetan daripada pelbagai ideologi barat yang menyusup dan meresap masuk dalam segala sistem kehidupan melalui pintu dan ruang keilmuan. Sekularisme, Dualisme, Positivisme antara ideologi falsafah yang menjadi lataran keilmuan barat yang seterusnya diimport masuk dalam keilmuan tempatan.

Al-Attas cetuskan kesedaran permasalahan sistem pendidikan dalam negara-negara Islam yang masih belum bebas dari belenggu penjajah atau barat yang sifatnya sekular. Kewujudan pemisahan atau dikotomi elemen agama dengan segala sistem kehidupan yang diajar di sekolah dan universiti. Beliau bantangan permasalahan ini di era 70-an lagi. Daripada pembentangan tersebut, lahirnya usaha melahirkan universiti yang menjadikan Islam sebagai pandangan alam di beberapa buah negara.¹⁵

Beliau melihat proses dekolonisasi perlu mendasar melalui sistem pendidikan kerana cabaran terbesar yang lebih serius dan lebih merosak pada era ini adalah cabaran ilmu. Cabaran ilmu ini bukanlah bermaksud isu kejahilan, tetapi ilmu yang dibawa oleh peradaban Barat yang

¹³ Zulkifli Ismail, *Ancaman Bahaya Sekularisme, Sebuah Peringatan Tentang Kesesatan Sekularisme dan para Penggiatnya di Malaysia* (Melaka: Baitul Qurro Wa al-Fuqaha', 2014), 7-8.

¹⁴ Antara tokoh ilmuan, pemikir, cendekiawan yang mengemukakan idea perubahan dan usaha penyahbaratan adalah Syed Muhammad Naquib al-Attas. Beliau menekankan usaha dekolonisasi perlu mendasar melalui sistem pendidikan sebagai akarnya. Berbanding tokoh ilmuan lain seperti Ismail al-Faruqi dan Seyyed Hossein Nasr yang turut mempunyai gagasan ilmu masing-masing, beliau mempunyai pengaruhnya yang tersendiri di Malaysia kerana merupakan orang tempatan yang memahami sosio budaya setempat. Juga boleh dikatakan sebagai individu terawal cakna permasalahan sekularisme dalam pendidikan di Malaysia, dan pengaruh beliau terhadap proses dekolonisasi dan Islamisasi di universiti tempatan.

¹⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Islam dan Sekularisme: Suatu Karya Agung Kulli*, dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, terj., Khalif Muammar A. Harris, xvii-xix. 3-6. Lihat juga Adam Badhrulhisham, “Islamisasi Negara Malaysia Dalam Konteks Gagasaan Islamisasi Ilmu Syed Muhammad Naquib al-Attas: Satu Tinjauan”, *Jurnal 'Ulwan*, Jilid 1 (2017), 189-203.

menghilangkan tujuan hakikat ilmu hasil daripada kefahaman yang pincang.¹⁶ Mungkin juga boleh kita katakan bahawa pendidikan merupakan medium utama pembentukan paradigma dan gaya fikir masyarakat. Pendidikan juga berkeupayaan menerobos ke semua bidang lapangan mencakupi ekonomi, pembangunan, sosial, psikologi dan lain-lain.

Pokoknya, lataran dan bingkai barat yang bersifat sekular dalam sistem pendidikan memang banyak celanya bahkan mencapah ke lapangan kehidupan lainnya. Jadi adalah amat penting melakukan proses dekolonisasi atau penyahbaratan dari segala aspek kehidupan melalui sistem pendidikan. Persoalannya apa alternatifnya? Apa lataran atau bingkai yang hendak dipegang?

Jawapannya adalah “Kearifan Tempatan”, iaitu pada setiap bangsa ada lataran yang mewarnai cara hidup. Ringkasnya, usaha kembali berpaut kepada khazanah keilmuan setempat yang sedia ada di persekitaran masyarakat asal sebelum dicemari sekular kolonialisme. Jadi, dalam alam Islam, kenapa tidak kembali berpaut kepada turath Islami iaitu tradisi keilmuan atau keintelektualan Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith.

Menyentuh perkaitan hal ini dengan Kursus Falsafah dan Isu Semasa yang diperkenalkan, boleh dikatakan ia sebagai satu usaha memberi kesedaran dan kefahaman akan usaha dekolonisasi dan pembentukan ilmu berasaskan kearifan tempatan. Ia juga bertujuan melahirkan mahasiswa yang bersifat kritikal dan analitikal dalam penilaian ilmu-ilmu yang diperoleh. Keperluan kursus ini akan lebih difahami apabila menyorot sejarah perkembangan pemikiran atau falsafah barat, serta pembentukan acuan universiti barat dan pengaruhnya terhadap negara-negara lain.

Sejarah Ringkas Perkembangan Falsafah Barat

Sejarah perkembangannya boleh dimulakan sekitar kurun ke-3 masihi ketika dunia Eropah menjadikan Kristian sebagai agama rasmi yang disebut sebagai Dark Ages atau Zaman Kegelapan. Tetapi sorotan ini harus meraikan juga zaman klasik sekitar kurun ke-6 sebelum masihi dengan kelahiran tiga tokoh besar; Socrates, Plato dan Aristotle sebagai batu asas dunia kefalsafahan yang mempunyai khazanah keilmuan yang tinggi.

Semasa era Dark Ages, barat pada ketika itu dibelenggu dengan tafsiran Bible oleh para paderi (Church) serta panduan dari pihak istana (Castle) yang memanipulasi agama untuk kepentingan dua institusi ini. Tafsiran tersebut menjadi satu-satunya sumber ilmu. Masyarakat barat ketika ini langsung tidak mengoptimumkan keupayaan akliah.

Era ini berlangsung lebih kurang lapan ratus tahun dan berakhir di saat mula berlakunya Renaissance (kebangkitan semula), yang mula menolak Bible sebagai sumber ilmu. Di sinilah boleh dikatakan titik pemulanya semangat Sekularisme. Ketika penolakan “wahyu” tersebut, barat tercari-cari sumber ilmu utama yang autentik. Maka, lahirnya dua aliran; Rasionalisme bawaan Rene Descartes yang memusatkan akal sebagai sumber ilmu mutlak dan Empirisisme bawaan John Lock yang mengangkat pancaindera dan pengalaman sebagai sumber ilmu utama.

Berlaku serentak adalah Revolusi dalam bidang sains yang menjadi musuh pada agama. Antara tokohnya ialah Nicolaus Copernicus dan Galileo Galilei. Tumpuannya pada isu

¹⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme*. Terj., Khalif Muammar A. Harris, 167.

heliocentrik dan geocentrik. Dalam bidang agama pula, berlakunya Reformation dalam Kristian sehingga lahirnya mazhab Protestan gagasan Martin Luther, juga John Calvin yang menongkang arus Katolik mazhab asal.

Kemudian muncul zaman Enlightenment yang menyaksikan kewujudan dunia kefalsafahan secara lebih sistematik dan rencam yang dikemukakan oleh Immanuel Kant yang mengemukakan Idealisme melalui sintesisnya terhadap aliran Rasionalisme dan Empirisisme. Era Modernisme pula boleh dikatakan terdorong semangat Sainstisme yang memberi impak kewujudan pelbagai penciptaan alatan dan teknologi awal. Sebut sahajalah kereta, kapal terbang, telefon dan macam-macam lagi. Namun kesenjangan yang menumpukan pada pembangunan fizikal semata akhirnya meletuskan dua perang dunia yang memberi impak besar dalam tamadun manusia secara umumnya. Bangkit daripada kekecewaan tersebut dan berterusan sehingga kini, maka bermulalah era Pascamodenisme yang lebih cenderung menjadikan Relativisme sebagai akar atau latar falsafah kehidupan.¹⁷

Daripada sejarah ringkas perkembangan ini, dapat disimpulkan bahawa pengalaman barat yang terlalu tegar terhadap agama berpunca daripada tiga perkara asas; 1) Pemanipulasian agamawan terhadap agama, 2) Pertentangan di antara agama dan sains, serta 3) Larangan agama terhadap pengoptimuman akal dan ujikaji sains. Kerigidan dan kekecewaan mereka terhadap agama tersebut melahirkan semangat Sekularisme iaitu falsafah yang memisahkan agama dengan tatacara kehidupan termasuk ilmu dan sains.

Semangat sekularisme yang melalui proses sekularisasi ini dapat ditinjau melalui tiga perkara dasarnya. Pertama, alam dan akal manusia dikosongkan dari apa-apa sahaja makna rohani sehingga memisahkan hubungan alam dan manusia dengan Tuhan lantas mewujudkan kewenangan pemanipulasian manusia terhadap alam (*disenchantment of nature*). Kedua, pengosongan makna dan sumber rohani dalam penilaian kekuasaan atau jawatan kepimpinan yang menatijahkan pemilihan pemimpin tanpa penilaian rohani dan timbang tara agama (*desacralization of politics*). Ketiga, pembebasan dan penisbian nilai yang sentiasa akan berubah dan mengalami penyemakan semula (*deconsecration of values*).¹⁸

Sekularisme atau lebih tepatnya semangat Sekularisme dianggap sebagai “bapa” kepada kemunculan isme-isme yang pelbagai. Maknanya kemunculan perbagai ideologi falsafah barat tersebut berorientasikan sekularisme yang mengakari pegangan dan ideologi masyarakat barat. Kerana itu, ia sangat dikenali sebagai satu ideologi yang memisahkan antara agama dan tatacara kehidupan manusia. Proses kelahiran faham Sekularisme bukanlah mengambil masa sehari dua tetapi melalui proses perjalanan yang panjang bernuansa barat seperti yang dijelaskan sebentar tadi. Apa yang menjadi masalahnya ialah, acuan tersebut cuba diseatikan dalam ruangan sistem politik, ekonomi, sosial dan pendidikan masyarakat lainnya.¹⁹

¹⁷ Bacaan lanjut dan rinci berkenaan sejarah perkembangan falsafah Barat boleh rujuk, Wan Adli Wan Ramli, “Pemikiran Islam dan Barat Moden: Analisis Terhadap Pragmatisme,” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 72-84.

¹⁸ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, 196-200; lihat juga Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme*. Terj., Khalif Muammar A. Harris, 32-33.

¹⁹ Untuk lebih lanjut mengenai usaha dan kaedah sekularisasi, boleh rujuk; Azmi Aziz, “Isu-isu Agama dan Sekularisme Dalam Ruang Sosio-Politik di Malaysia,” *Jurnal Geografia* 12, no 14 (2016).

Implikasi Faham Sekularisme Dalam Acuan Pembentukan Universiti

Dalam konteks pembentukan acuan universiti, sikap barat yang meminggirkan elemen agama dan berpegang pada prinsip sekularisme menatijahkan pemisahan atau dikotomi antara sains tulen/tabii dengan sains sosial. "Agama" dipinggirkan atau disisihkan. Kalau ada pun "agama" yang berkembang kemudiannya hanya sekadar ritual untuk melepaskan diri dari tuduhan pengabaian terhadap agama. Kerancakan ini lebih lagi bila Universiti Harvard tahun 1928 hanya bataskan pada 3 kelompok ilmu sahaja iaitu; sains fizikal, sains sosial dan sains kemanusiaan.²⁰ Idea dikotomi ini pada dasarnya bertitik tolak dari Rene Descartes melalui kalam agungnya, "*Cogito Ergo Sum*" (aku berfikir maka aku ada) yang menatijahkan tiga perkara:

1) Manusia sebagai satu-satunya sumber ilmu, Tuhan dan agama tiada peranan dalam menentukan ilmu. Ilmu dan kajian hanya berkisar berkenaan empirikal utamanya, dan rasional bakinya. Elemen metafizik sekadar dikesampingkan.

2) Kebebasan nilai pada ilmu. Ilmu dibentuk dan ditentukan mengikut cita rasa

3) Falsafah Dualisme menjadi asas pandangan alam; iaitu dikotomi fizikal dan minda juga elemen roh itu sekali, dunia-akhirat, subjek-objek, tabie-sosial, sekular-agama

Gaya atau trend acuan universiti barat yang mendokong semangat sekularisme ini terus mewarnai pencorakan universiti-universiti di negara bekas jajahan. Secara tidak langsung menafikan ilmu-ilmu tempatan yang pada hakikatnya lebih serasi dengan gaya dan pandangan alam tempatan seterusnya merentetkan pemusnahan identiti dan tradisi masyarakat tempatan. Oleh itu, adalah sangat penting untuk menggerakkan usaha dekolonisasi dan memangkin pautan pada kearifan tempatan. Cabaran pembebasan dari belenggu pengaruh kolonialisme-sekularisme dan penghasilan ilmu-ilmu baharu mengikut naratif tempatan haruslah disahut mesra disulam semangat jitu oleh para akademia di universiti negara ini khususnya.²¹

Analisa Penyusunan Bab Kursus Falsafah dan Isu Semasa Melalui Wacana Dekolonisasi dan Kearifan Tempatan

Kursus Falsafah dan Isu Semasa mempunyai lapan bab yang harus difahami keterkaitan antara keseluruhannya. Bab pertama menjelaskan perihal pengenalan konsep falsafah serta menyentuh beberapa falsafah pembinaan individu, masyarakat, negara dan tamadun melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan falsafah sejahtera yang terkandung dalam Rukun Negara. Bab kedua menjelaskan perihal falsafah dalam kehidupan dengan perbincangan teori

²⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Wacana Falsafah Ilmu* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2005), 24.

²¹ Bagi memahami permasalahan dan situasi ini lebih lanjut, boleh baca; Dr Amran Muhammad, "Sejauh Mana Universiti Tempatan Boleh Direformasi Dari Paradigma Descartes yang Egoistik dan Ilmu yang Eurosentrik," *Naratif Nusantara Siri* 52. Pautan: <http://www.issimalaysia.org.my/naratif-nusantara-siri-51-kemerdekaan-ilmu-melalui-dekolonisasi-dan-kritik-ilmu-sebagai-agenda-kesarjanaan-dan-penyelidikan-nasional-2/>. Faktor berlakunya dualisme dalam sistem pendidikan di negara-negara muslim adalah kerana faktor penjajahan dan perbezaan pendekatan dalam fahaman agama dalam kalangan umat Islam. Dasar, struktur dan amalan pendidikan penjajah telah mempengaruhi dunia Islam sehingga seakan menjadi perkara yang normal bagi masyarakat Islam. Lihat; M. Hasyim Mustamin, "Dualisme Dalam Pendidikan dan Pengaruhnya Terhadap Pembentukan Nilai dan Identiti Pelajar," Kertas konferen *The 5th Isdev International Graduate Workshop* (Ingraw 2010), anjuran ISDEV, Universiti Sains Malaysia pada 21 – 22 September 2010 di University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia, 8.

falsafah dan klasifikasinya; falsafah teoretikal (seperti metafizik, epistemologi, psikologi, estetik) dan falsafah praktikal (seperti etika, politik, ekonomi, peradaban); di samping kemunculan falsafah-falsafah baru (seperti teknologi, organisasi, ekologi).

Bab ketiga mengupas mengenai falsafah logik, metodologi dan kaedah berfikir deduktif dan induktif; serta aplikasinya dalam proses penghasilan ilmu dan pencegahan falasi ketika berfikir. Bab keempat membincangkan konsep insan yang merangkumi asal-usul, hakikat, sifat insan yang mempunyai elemen jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Bab kelima perihal metafizik melalui perbincangan hubungan insan dengan alam dan tuhan serta bentuk atau sistem-sistemnya seperti theisme, monotheisme, atheisme, agnostisme, politheisme, monisme, pluralisme, atomisme, realisme dan idealisme. Bab keenam perihal perkembangan epistemologi dan kesannya terhadap kehidupan. Serta kesan revolusi sains yang mengupas kepelbagaian kaedah dan sumber perolehan ilmu seperti rasionalisme, empirisisme, skeptisisme, wahyu dan tradisi, intuisi dan ilham, ilmu hudhuri, kearifan tempatan, hikmah.

Bab ketujuh perihal cabaran ideologi kini dengan memfokuskan fenomena dan manifestasi relativisme pascamoden serta implikasi dalam kehidupan disertai jawapan agama dan tradisi terhadap kerancuannya. Bab lapan perihal kesan dualisme cartesian dan keperluan proses dekolonisasi disertai usaha menjayakan insan bersepadu/sejahtera/ekologikal serta penghasilan ilmu baru insan/falsafah bersepadu/sejahtera/ekologikal.

Bagi memudahkan penganalisaan, kesemua bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian 1; terdiri dari bab satu dan bab dua iaitu pengenalan falsafah dan falsafah dalam kehidupan. Ia bertujuan menjelaskan asas dan kerangka pembinaan falsafah dalam masyarakat. Bahagian 2; terdiri dari bab tiga, empat, lima dan enam iaitu logik, insan, metafizik dan epistemologi. Ia bertujuan menghuraikan domain-domain utama analisis falsafah. Bahagian 3; terdiri dari bab tujuh dan lapan iaitu ideologi dan dekolonisasi bagi menganalisis cabaran isu semasa melalui domain analisis falsafah.

Memandangkan fokus utama perbincangan makalah ini adalah wacana dekolonisasi dan kearifan tempatan, maka tumpuan penulis adalah pada bahagian ketiga iaitu bab tujuh (Ideologi) dan bab lapan (Dekolonisasi). Dalam tinjauan silibus, bab tujuh banyak memfokuskan pembincangan mengenai relativisme yang menjadi teras pada falsafah pascamodenisme. Kenapa pascamodenisme? Dalam penelusuran sejarah perkembangan ideologi dan falsafah barat, falsafah pascamodenisme inilah ideologi falsafah utama pada masa sekarang. Semangat falsafah relativisme ini secara mudahnya dikenali sebagai pegangan tiada sesuatu kebenaran yang mutlak.

Lebih rencam lagi, bab tujuh ini menyentuh pelbagai ideologi yang menjadi pegangan dan lataran barat dalam bidang kehidupan; politik, sosial, ekonomi, pendidikan yang menyerap dalam sistem kehidupan kita. Maka sebahagian ideologi tersebut disarankan sebagai tajuk tugasan kajian pelajar.

Sehubungan itu, amatlah bersesuaian gandingan bab tujuh mengenai ideologi falsafah dan bab lapan mengenai dekolonisasi, iaitu proses membuang elemen-elemen kebaratan yang menyerap masuk kemudian berpaut dan berpegang pada kearifan tempatan. Walaubagaimanapun, kepelbagaian ideologi yang ada tersebut bertunjangkan kepada dasarnya iaitu falsafah Sekularisme. Bagi bab lapan pula yang menyentuh proses dekolonisasi akan

tampak lebih jelas pada bahagian kedua susunan bab tersebut iaitu bermula bab dua sehingga bab enam.

Bab kedua merangkumi pengenalan konsep dan falsafah yang berperanan untuk memperkenalkan dan membina perkaitan antara topik-topik dalam falsafah dengan kehidupan manusia. Seterusnya, bab tiga, empat, lima, dan enam sebagai elemen-elemen penting yang perlu diaplikasikan dalam menanggapi kepelbagaian ideologi melalui proses dekolonisasi. Perbincangan seterusnya akan ditinjau satu persatu. Bagi memudahkan penelitian, perbincangan akan melihat perbezaan setiap satunya menurut perspektif falsafah Barat dan Islam yang mewakili kearifan tempatan.

i- Logik dan Budaya Fikir

Perbincangan logik bertujuan membentuk cara fikir yang betul dan menolak falasi dalam berfikir. Sebenarnya, di sini tiada beza sangat pun pada aspek cara fikir logika tersebut kerana dalam logik akhlah manusia yang sihat sama sahaja neracanya. Oleh kerana itu juga, logik dikira sebagai “ilmu alat” untuk berhujahkan perkara yang benar atau yang salah.

Namun jika diteliti dengan rinci, didapati wujud juga pertentangan perbahasan logik dalam penilaian Barat dan kearifan tempatan. Dalam tradisi Barat, kelihatan wujudnya kontradiksi logik dengan dogma ajaran agama. Para ilmuan Barat yang lahir sering memikir dan mencari jawapan soal alam, manusia dan tuhan hanya berdasar rasio akal semata tanpa panduan wahyu Tuhan. Ini bertitik tolak dari prinsip dan pegangan bahawa wahyu bersifat tahyul dan sentiasa bertentangan dengan akal.²² Malah ilmu pengetahuan yang dimiliki manusia saling bertentangan dengan ajaran agama kerana bidang dan disiplin ilmu menurut mereka adalah berteraskan falsafah rasionalisme dan empirisisme yang kosong dari ajaran agama. Bahkan agama sering dilihat menghalang perkembangan ilmu dalam kalangan masyarakat.²³

Tetapi hal ini tidak berlaku dalam tradisi ilmu dan budaya fikir Islam. Bahkan ajaran Islam melalui wahyu al-Quran dan al-Hadith sendiri memberi cetusan, dorongan dan galakan pemupukan ilmu dan budaya fikir manusia. Boleh dilihat menerusi beberapa ayat al-Quran diakhiri dengan gesaan kepada manusia menggunakan akal untuk berfikir melalui beberapa lafaz; “أَفَلَا تَعْقِلُونَ” (apakah kamu tidak berakal?), “أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ” (apakah kamu tidak berfikir), “أَفَلَا تُبْصِرُونَ” (apakah kamu tidak memerhati?) dan sebagainya lagi.²⁴

Juga boleh dilihat dalam hal berkait akidah dan ketauhidan, Islam melarang budaya *taqlid* iaitu kepercayaan bersandarkan ikutan orang lain tanpa disertai hujah atau pembuktian.²⁵

²² Khairiah Mohd Yassin, “Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam,” *Jurnal MANU* 20, (2014), 41. Bacaan lanjut boleh rujuk Samuel Enoch Stumpf, *Socrates to Sartre: A History of Philosophy* (United States of America: McGraw-Hill Companies, Inc., 1999), 5-27 dan 29-31.

²³ *Ibid.*, 42.

²⁴ Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi, “Kedudukan Ilmu Mantik dalam Pemikiran Islam,” *Afkar* Vol. 22 Issue 2 (2020), 24. Lihat juga, Yusuf al-Qaradawi, *al-‘Aql wa al-‘Ilm fi al-Quran al-Karim* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 13-21.

²⁵ Terdapat beberapa pandangan mengenai iman seseorang yang bertaqlid. Menurut imam al-Sanusi, tidak sah iman orang yang muqallid. Pandangan lain menyatakan sah iman bagi muqallid, tetapi berdosa kalau dia mampu untuk belajar. Ada juga pandangan yang kata iman org muqallid ini tetap sah walaupun dia mampu belajar. Lihat Ibrahim al-Bajuri, *Tuhfah al-Murid Hashiyah ‘ala Jawhar al-Tawhid* (Kaherah: dar al-Salam, 2002M/1422H), 76-77. Apa yang hendak dinyatakan di sini adalah, dalam hal keimanan pun, Islam sangat tekankan soal ilmu dan budaya fikir.

Dalam perbincangan ilmu Fiqh pula, Islam sangat tekankan disiplin ilmu Usul Fiqh. Secara ringkas, Usul Fiqh merupakan satu disiplin ilmu yang menetapkan hukum syarak berdasarkan kaedah-kaedah tertentu melalui perinteraksian dengan nas wahyu dan persekitaran manusia. Bukankah ini adalah penekanan ilmu dan disiplin logik dalam Islam?²⁶ Dalam penelusuran peradaban dunia Islam, didapati budaya ilmu yang sepadu dan holistik dengan garapan amalan berfikir disertai pedoman nas wahyu melahirkan ramai ilmuan atau intelek seperti Ibn Sina, al-Ghazali, al-Jazari, al-Biruni, al-Khawarizmi, Ibn Haitham, Ibn Khaldun dan ramai lagi yang mahir dalam pelbagai disiplin ilmu.²⁷ Bahkan kegemilangan dunia intelektual yang dicapai dalam peradaban Islam mempengaruhi kepada pembangunan dan perkembangan tamadun Barat.²⁸

ii- Konsep Insan

Falsafah Eksistensialisme menjadi pencetus kepada pengkajian dan penilaian manusia menurut faham Sekularisme yang menganggap manusia sebagai paksi utama kewujudan. Ia mengkaji mengenai kelahiran, kewujudan, kehidupan dan kematian manusia yang 'sebatang kara' mendahului pemikiran, perasaan dan etika diri manusia itu sendiri.²⁹ Dari kerana itu, wujud pelbagai teori mengenai hakikat manusia.

Dari aspek penciptaan manusia dapat dilihat konotasi penafian kewujudan Tuhan sebagai al-Khaliq yakni Pencipta lantas menafikan juga diri manusia sebagai "makhluk" [dengan wazan *maf'ul* dari kata *kholaaqa*-cipta]. Dengan merujuk ilmu fisiologi dan biologi, manusia dianggap sebagai "tidak diciptakan" dengan mendendangkan teori evolusi yang dipopularkan oleh Lamarck dan Charles Darwin.³⁰

Hakikat diri manusia perlu bebas daripada kekuasaan lain termasuklah pengaruh Tuhan. Bahkan bagi Nietzsche, Tuhan dianggap telah mati. Bagi Karl Marx dengan ideologi Sosialismenya, manusia dianggap sebagai makhluk sosial secara berlebihan sehingga membawa kepada penafian pemilikan harta secara peribadi.³¹ Ia turut diresapi dengan falsafah *historical materialisme* iaitu faham kuasa material yang melatari sejarah perkembangan manusia. Ini dengan maksud penentuan kebahagiaan dan kestabilan alam sosial berpaksikan kepada material. Proses manusia bersaing merebut mendapatkan benda melahirkan fenomena-

²⁶ Walaubagaimanapun, di sana wujud juga beberapa perkara yang diterima secara imani tanpa memerlukan kepada pembuktian akhlah dan ujian empirikal seperti halnya Isra' Mikraj, api membakar Nabi Ibrahim menjadi sejuk dan lain-lain. Tapi hal ini pun merupakan cerminan pembuktian kepada wujudnya budaya disiplin ilmu iaitu bahawasanya wahyu diterima pakai sebagai sumber ilmu. Bahkan kedudukannya lebih mulia dan utama berbanding sumber akal dan pancaindera. Jalan penceritaan Isra' Mikraj itu pun perlu melalui disiplin ilmu periwayatan hadith. Mustolah hadith menjadi satu indikator pengesahan ilmu.

²⁷ Maklumat lanjut boleh rujuk Salim T.S. Al-Hassani, *1001 Inventions: The Enduring Legacy of Muslim Civilization* (Washington, D.C.: National Geographic, 2012).

²⁸ Hafiz Zakariya, "Kegemilangan Tamadun Islam Dan Sumbangannya Terhadap Pembinaan Tamadun Barat," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 6 Bil 2 (2019) 52-54.

²⁹ Azmil Zainal Abidin, Tafsiran Eksistensialisme Terhadap Makna Kewujudan Manusia: Tinjauan Menurut Perspektif Pemikiran Islam," dalam *E-Proceeding International Conference on Postgraduate Research 2016* (ICPR2016), 69.

³⁰ Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar, *Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat*, 371.

³¹ *Ibid.*, 369

fenomena manusia, bahkan penciptaan agama pun. Kerana itu, beliau terkenal dengan ungkapan “agama adalah candu buat manusia”.³²

Manusia juga difahami sebagai makhluk yang digerakkan oleh naluri biologi yang sentiasa bermotivasi mencari kesenangan dan menghindari kesakitan seperti faham David Hume, Jeremy Bentham, John Stuart Mill, Sigmund Freud dan lain-lain. Konsep manusia seperti ini menganggap manusia sentiasa berlaku perubahan sampaikan manusia dianggap seperti *biological machine* iaitu makhluk yang patuh kepada hukum gerak seperti sebuah mesin automatik tanpa jiwa.

Ada juga yang menganggap manusia adalah seperti binatang lainnya yang mengantuk, lapar, sakit, dan akan mati seperti dakwaan Hobbes dan Hume yang mendokong idea empirisme. Berlawanan pula dengan Sartre, Buber dan Tillich dengan falsafah eksistensialisme yang menyatakan manusia adalah berbeza dengan haiwan kerana manusia rasional, bertanggungjawab dan memiliki kesedaran.³³

Pelbagai teori tentang manusia yang sifatnya adalah sekular ini didasari oleh sikap para pemikir Barat moden yang mengemukakan idea-idea yang bertentangan dengan ajaran agama. Ia mungkin kerana hasil ketidakpuashatian terhadap dogma ajaran agama Kristian yang menerapkan konsep ‘Dosa Warisan’ atau *Original Sin*.³⁴ Dalam karya *The Antichrist* (1888) oleh Nietzsche, terdapat pernyataan berbentuk kritikan terhadap ajaran Kristian sebagai faktor kemunduran kebudayaan Eropah.³⁵

Apa yang pasti, teori-teori berasaskan semangat Sekularisme ini menekankan falsafah Humanisme yang menitik beratkan nilai dan tindakan manusia serta pelibatan logik dan sains sebagai jalan memahami alam dan mengkesampingkan wahyu Tuhan.³⁶ Hal ini menatijahkan faham Antroposentrisme yang menekankan nilai untuk kepentingan serta pembangunan manusia semata sehingga merosakkan alam³⁷ dan faham Egosentrisme yang memfokuskan sudut pandangan sendiri serta bersikap tidak peduli pada pandangan orang lain.³⁸

Pemahaman konsep insan melalui neraca empirikal semata-mata hanya sekadar menumpukan aspek fizikal tidak mampu menghuraikan persoalan konsep insan secara keseluruhannya.³⁹ Dalam memahami konsep insan yang lebih komprehensif merangkumi perbincangan aspek jasmani dan rohani, perlulah dirujuk kepada Pencipta insan itu sendiri iaitu Allah. Ayat-ayat al-Quran dan juga hadith Nabi Muhammad SAW perlu diteliti dan diamati dengan merujuk kepada tafsiran para mufassir.⁴⁰

³² Edmund Demaitre, “An Inconclusive Dialogue,” dalam *Problems of Communism* Vol. 20, Issue 5 (1971) 42-46.

³³ Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar, *Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat*, 370.

³⁴ *Ibid.*, 368

³⁵ Friedrich Nietzsche, *Antichrist* (New York: Dover Publications, 2018).

³⁶ Definisi dan konsep Falsafah Humanisme dapat ditinjau dalam, “Definition of Humanism,” laman *American Humanist Association: Good Without a God*. <https://americanhumanist.org/what-is-humanism/definition-of-humanism/>

³⁷ Mujiyono Abdillah, *Agama Ramah Lingkungan: Perspektif al-Quran* (Jakarta: Paramadina, 2001), 31, 150 dan 157.

³⁸ John J. Mitchell, *Adolescence: Some Critical Issues* (Canada: Holt, Rinehart and Winston, 1971), 62-63.

³⁹ Rafy Sapuri, *Psikologi Islam Tuntutan Jiwa Manusia Moden* (Jakarta: Rajawali Pers, 2009), 2.

⁴⁰ Che Zarrina & Mohd Manawi, “Beberapa Persoalan Berkaitan Konsep Insan,” *Afkar* Vol. 19 Special Issue (2017), 91.

Islam telah menyediakan jawapan-jawapan mengenai persoalan asasi manusiawi. Dari mana manusia datang? Apa tujuan manusia berada di dunia? Dan ke mana arah tuju selepas manusia mati? Al-Quran telah menjelaskan dua bentuk kejadian manusia iaitu manusia pertama iaitu Nabi Adam yang diciptakan daripada tanah oleh Allah dan proses kejadian manusia di dalam perut ibunya.

Unsur manusia menurut Islam tidak hanya sebatas fizikal atau material semata. Tetapi ia turut dilengkapi dengan unsur ruh atau spiritual yang tidak mungkin dapat dicerapi oleh akal mahupun upaya inderawi.⁴¹ Lebih rinci, al-Ghazali mengklasifikasikannya kepada *Qalb*, *Ruh*, *Nafs* dan *'Aql*.⁴² Kerana itu, manusia merupakan ciptaan paling sempurna. Ia memiliki ruh dan jasad, memiliki akal untuk berfikir, mempunyai hati untuk berperasaan dan menilai baik buruk, memiliki upaya indera yang menghubungkannya dengan dunia luar dan memiliki nafsu sebagai pendorong memperlengkapi keperluan dan mengekal hidup.⁴³

Dengan segala kelengkapan ini menjadikan manusia dilantik menjadi khalifah (wakil) Tuhan untuk memelihara dan memakmurkan alam. Tanggungjawab ini tidak sanggup dipikul oleh gunung-ganang, langit atau bumi. Bersama dengan tanggungjawab ini, Allah turut menyatakan peranan hamba iaitu penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Manusia juga disedarkan bahawa dunia ini bukanlah matlamat akhir, tetapi ia hanya tempat persinggahan yang sementara kerana wujud alam seterusnya iaitu alam akhirat. Di sana, manusia akan dipersoal mengenai dua peranan tersebut.⁴⁴

iii- Metafizik

Metafizik adalah salah satu dari cabang utama perbincangan ilmu falsafah. Perkataan Metafizik sendiri merupakan gabungan daripada dua perkataan; *meta* dan *fizik*. Meta membawa maksud melampaui, melebihi, di atas ataupun tingkatan atas. Sedangkan fizik pula merujuk kepada perkara yang bersifat material ataupun fizikal. Jadi, metafizik adalah sesuatu yang melampaui sempadan ataupun batasan fizikal atau pun fenomena di luar alam nyata.⁴⁵

Apabila Barat berjaya keluar dari belenggu taklid gereja dan kemunduran saintifik, mereka memfokuskan kajian terhadap sistem alam tanpa keterikatan dengan ketuhanan dan peraturan keagamaan. Ruang lingkup ilmu metafizik pula disisihkan dan diserahkan kepada pihak gereja, juga dibataskan ruang kuasanya. Tumpuan hanya kepada pembangunan fizikal menghasilkan perkembangan sains dan teknologi yang cemerlang, tetapi kontang dari segi pembangunan rohani atau spiritual. Apa yang pasti, mereka tidak mampu menghubungkan antara aspek fizik dan metafizik.⁴⁶

⁴¹ Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar, *Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat*, 372.

⁴² Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 3:4.

⁴³ Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar, *Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat*, 372.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Hazim Shah, *Transkrip Video Rujukan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa Kuliah 5: Metafizik*, 1.

⁴⁶ Mohd Radhi Ibrahim, "Memahami Sains Islam Melalui Pembentukan Kerangka Ilmu Dalam Epistemologi Islam," *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* Vol. 20 (2) Special Issue (2019), 111.

Tetapi dalam penerokaan kajian falsafah, mereka cuba meletakkan juga perbahasan metafizik kerana konsep ilmu falsafah mencakupi segala aspek berkaitan dengan manusia, alam dan kewujudan. Namun masih terdapat penyisihan elemen keagamaan, ketuhanan dan kerasulan walaupun dalam perbahasan metafizik tersebut. Dapat dilihat klasifikasi perbahasan metafizik, iaitu metafizik berunsur falsafah dan metafizik berunsur keagamaan.⁴⁷ Apa yang menjadi ruang lingkup perbahasan metafizik bagi mereka hanyalah sebatas alam dan fenomena-fenomena yang terkait dengannya, cuma peringkat kajiannya adalah paling abstrak dan paling umum.⁴⁸ Pokoknya, ia masih lagi berlegar di persekitaran alam fizik semata.

Manakala dalam peradaban manusia lainnya, kehidupan mereka dilatari elemen metafizik keagamaan. Kepercayaan kepada tuhan, ketuhanan, malaikat, kenabian menjadi teras kepada perbahasan metafizik mereka. Secara khususnya, dalam Islam perbahasan metafizik terfokus pada perbahasan Akidah Islamiyyah. Kepercayaan kepada Tuhan, Rasul dan perkara Sam'iyah lain menjadi dasar kepada faham, prinsip dan amalan para muslimin. Hubungan antara alam fizik, alam akal dan Tuhan disepadukan.

Hakikat kebenaran mengenai manusia dan alam sentiasa di bawah peliharaan Allah sebagai Penguasa dan Pentadbirnya yang hakiki. Dari aspek ontologinya, doktrin Islam menyentuh mengenai alam fizik dan alam metafizik, alam natural dan alam supernatural yang mana ilmu keagamaan dan ketuhanan berada di kedudukan tertinggi dalam heirarkinya kerana hakikat dunia yang tidak kekal dan penuh dengan godaan.⁴⁹

iv- Epistemologi

Epistemologi merupakan falsafah ilmu, ia mengenai perihal hakikat, makna, sumber, kaedah, pengesahan, proses dan apa-apa sahaja yang berkaitan dengan ilmu. Dengan erti kata mudah ia adalah ilmu tentang ilmu. Dalam istilah bahasa Arab, ia disebut *Nazariyyah al-Ma'rifah* iaitu teori tentang ilmu.⁵⁰

Dalam usaha tamadun Barat cuba memahami hakikat ilmu, lahir sekurang-kurangnya dua aliran yang saling menyentangi. Pertama ialah Realisme iaitu berpandangan bahawa hakikat pengetahuan manusia nyata adanya dalam kehidupan yang berada sendirian tanpa sandaran kepada pengetahuan lain atau kesedaran akal dengan dokongan tokoh seperti Aristotle sendiri serta John Lock. Kedua ialah Idealisme yang menyatakan bahawa hakikat pengetahuan tiada dalam dunia nyata melainkan ia hanya dalam konsep. Dengan erti kata lain, idea dan mental sebagai kunci kepada hakikat realiti sesuatu seperti dokongan tokoh Plato dan George Barkeley⁵¹.

⁴⁷ Termasuk juga dalam perbahasan metafizik keagamaan adalah yang datang dari bukan agama, tetapi turut membahaskan mengenai elemen ketuhanan (seperti 'Illah Ula). Rujuk Hazim Shah, *Transkrip Video Rujukan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa Kuliah 5: Metafizik*, 1.

⁴⁸ Contohnya, seseorang memikirkan dari sudut yang paling umum tentang hakikat sesuatu perkara seperti jasad ataupun perkara-perkara material lain melalui penyisihan segala sifat khusus yang ada pada jasad atau perkara-perkara material tersebut. Lihat; *ibid*.

⁴⁹ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Wacana Falsafah Ilmu* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2005), 36.

⁵⁰ Zaki Najib Mahmud, *Nazariyyah al-Ma'rifah* (Kaherah: Hindawi, 2018), 10.

⁵¹ George Barkeley (1685-1753), turut dikenali sebagai *Bishop Berkeley* merupakan seorang ahli falsafah Ireland yang pencapaian utamanya adalah kemajuan teori "*Immaterialism*" (kemudian disebut sebagai "*subjective idealism*" oleh orang lain). Teori ini menyangkal adanya zat material dan sebaliknya berpendapat bahawa objek yang sudah biasa

Permasalahan utama lain yang sering berlegar mengenai epistemologi adalah bagaimana sumber ilmu itu diperoleh serta bagaimana sumber tersebut mencorakkan perlakuan dan pemikiran seseorang.⁵² Dalam hal ini, di Barat muncul tiga aliran iaitu pertama; Rasionalisme, yang berpegang bahawa sumber ilmu adalah berasal dari rasional (akal) manusia seperti dokongan Rene Descartes, kedua; Empirisisme, yang berpandangan bahawa sumber ilmu adalah pancaindera yang lima seperti dokongan Francis Bacon dan yang ketiga; Kritisisme/Transendentalisme, iaitu pandangan yang menyatakan bahawa ilmu manusia bersumber dari luar diri manusia, seperti wahyu misalnya.⁵³ Juga boleh diambil kira ialah gagasan Immanuel Kant atas usaha mensintesis dua kutub ekstrim sebelumnya; rasionalisme dan empirisisme.⁵⁴

Melalui perbincangan sumber ilmu ini, sesuatu ilmu itu berdiri, berkembang dan membentuk pandangan alam (worldview) seseorang. Dalam tradisi barat moden yang kecewa dengan agama, mereka hanya menghadkan akal dan pancaindera sebagai sumber ilmu. Maka pembentukan disiplin ilmu dan segala teori yang lahir dalam pelbagai lapangan ilmu pun hanyalah di persekitaran rasional dan empirikal semata-mata. Asas ilmu sedemikian secara ringkasnya mengakibatkan disiplin dan bidang ilmu yang diamal dan disebar di Barat adalah berasaskan dikotomi sains tabii dan sains sosial semata.⁵⁵ Hal-hal berkait ketuhanan, kerasulan, perkara-perkara ghaib yang tidak boleh dihukum rasio dan dicerap pancaindera maka ia dianggap tidak wujud dan dianggap bukanlah ilmu pun.

Tradisi ilmu barat-sekular dibangun bukan atas wahyu dan kepercayaan agama. Tetapi berdasarkan tradisi perkembangan budaya dengan garapan spekulasi ahli falsafah yang berkait dengan faham sekularisme melalui pemusatan manusia sebagai makhluk rasional.⁵⁶ Tidak dapat dinafikan bahawa tamadun barat ini menghasilkan ilmu manfaat, namun umat Islam juga harus seiring wujud kesedaran bahawa ilmu ini juga menjadi punca kerosakan dalam kehidupan manusia terutamanya terhadap keyakinan umat Islam.

Berkait soal hakikat ilmu menurut pandangan alam Islam pula, dapat diteladani definisi ilmu yang diungkapkan oleh al-Attas iaitu ketibaan (*husul*) makna sesuatu objek ilmu ke dalam jiwa

seperti meja dan kerusi adalah idea yang dirasakan oleh minda dan sebagai hasilnya, tidak dapat wujud tanpa dirasakan. Berkeley juga terkenal dengan kritiknya terhadap abstraksi, sebuah premis penting dalam teori "Immaterialism" nya.

⁵² Nahrawi bin Kassim & Mohd Khir Johari bin Abas, "Epistemologi Islam: Satu Perbandingan Antara Sumber Dan Tabiat Dengan Peradaban Barat Serta Implikasiya," dalam *Prosiding Seminar Akademik PSIS* 2014, anjuran Politeknik Sultan Idris Shah.

⁵³ Nahrawi bin Kassim & Mohd Khir Johari bin Abas, *Epistemologi Islam: Satu Perbandingan Antara Sumber Dan Tabiat Dengan Peradaban Barat Serta Implikasinya*. Lihat juga Muchlis Arifandy, Perbandingan Epistimologi Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Menurut Islam dan Barat, *ResearchGate* (2018), 9-11.

⁵⁴ Menurut Wan Adli Wan Ramli, usaha sintesis Kant tidak dijenamakan. Ia hanya sekadar dikenali atas nama Sintesis Kant. Sintesis tersebut juga ada pelbagai tafsiran oleh ahli-ahli falsafah selepas Kant. Ada yang menyatakan bahawa ia masih dalam kerangka Rasionalisme. Ada pula yang menyatakan bahawa ia masih dalam ruang kerangka Empirisisme. Ilmu atau maklumat dicerap melalui pancaindera, upaya rasio hanya sekadar proses maklumat yang diperoleh, kemudian dikeluarkan semula melalui pancaindera. Temu bual penulis bersama Dr Wan Adli wan Ramli di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 24 Februari 2021.

⁵⁵ Khairiah Mohd Yassin, "Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam," *MANU* Bil. 20, (2014), 42.

⁵⁶ Adian Husaini, *Filsafat Ilmu Perspektif Barat dan Islam* (Jakarta: Gema Insani, 2013), 1.

dan ketibaan jiwa (*wusul*) pada makna sesuatu objek ilmu.⁵⁷ Definisi yang lebih masyhur sering diungkap oleh para ulama adalah kepercayaan yakin yang bertepatan dengan realiti.⁵⁸ Ada yang menambah satu ciri lain iaitu “disertai bukti” seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Daud al-Faṭānī agar definisi tersebut mengandungi tiga komponen utama iaitu keyakinan, ketepatan dan berasas.⁵⁹ Berdasarkan dua bentuk pendefinisian ini, dapat dilihat bagaimana tradisi keilmuan Islam berinteraksi dengan hakikat ilmu yang meraikan kewujudan secara hakikat dan secara idea (*had* dan *mahdud*). Turut ditekan juga adalah prinsip keyakinan yang merupakan ciri asas hakikat ilmu. Ini berbeza dengan teori skeptik atau keraguan⁶⁰ bawaan Rene Descartes yang terkenal dengan kalamnya, “*Cogito Ergo Sum*.”⁶¹

Berbalik kepada perbincangan sumber ilmu dalam Islam yang meraikan wahyu, akal dan pancaindera sebagai sumber ilmu, epistemologi Islam menjadikan wahyu sebagai tunjangan sumber ilmu di samping tidak mengabaikan elemen rasional akal dan eksperimen atau pengalaman pancaindera. Al-Quran sendiri mendorong manusia menggunakan akal seperti dalam surah al-Jathiyah ayat 13 dan juga menggesa manusia agar menggunakan inderanya bagi mencari pengetahuan dan kebenaran seperti dalam surah al-Nur ayat 43.

Perbincangan ilmu dalam Islam adalah suatu acuan yang sepadu dan komprehensif. Asas-asas ilmu yang bersifat saintifik dan kemanusiaan seperti ilmu sains, teknologi, politik, ekonomi dan pelbagai lagi dibentuk berdasarkan garapan tiga prinsip tunjang dalam agama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu dapat dilihat penekanan keilmuan dalam Islam bukan hanya tertumpu kepada ilmu-ilmu sains dan kemanusiaan yang mempunyai metode dan disiplinnya yang tersendiri, bahkan sangat menekankan ilmu-ilmu keagamaan seperti ilmu kalam, fiqh, tafsir hadith dan lain-lain yang dilihat berbeza metode dan disiplin dengan ilmu-ilmu yang dinyatakan sebelumnya, namun kesemuanya tidak terpisah dan tetap berpaksikan kepada sumber wahyu.⁶²

⁵⁷ Definisi ini menjelaskan bahawa Allah SWT merupakan sumber ilmu yang menganugerahkan ilmu manakala Insan merupakan penerima anugerah ilmu dan kefahaman tersebut. Definisi ini juga membezakan antara ilmu dengan maklumat. Lihat; Mohd Zaidi Ismail, “Faham Ilmu Dalam Islam: Pengamatan Terhadap Tiga Takrifan Utama Ilmu,” *Jurnal Afkar* Vol 10 No 1 (2009): 54-55.

⁵⁸ Abū al-Hasan, ‘Ali bin Muhammad al-Jurjāni, *al-Ta’rīfāt* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 157.

⁵⁹ Sheikh Daud al-Fatani mengungkapkan definisi dalam penegasan terhadap pegangan akidah. Lihat; Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Durr al-Thamin*: Permata yang Indah, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti (Batu Caves: Al-Hidayah, 2011), 30-31.

⁶⁰ Skeptik, keraguan atau syak boleh dilihat dari dua jenis; Syak Mutlak yang menyatakan tiada alamat atau kayu ukur memisahkan antara perkara benar dan salah serta Syak Manhaji iaitu satu kaedah atau cara untuk sampai kepada suatu keyakinan. Lihat; . Imam Abdul Fattah Imam, ed. Mohamad Kamil Ab Majid, “Epistemologi: Satu Perbincangan Awal,” *Afkar Bil*. 1 (2000), 69-70.

⁶¹ Konsep skeptik atau keraguan ini memang benar pada disiplin ilmu sains fizikal seperti suatu teori atau hipotesis yang belum atau sedang dalam proses kajian. Namun harus diingat bukanlah semua ilmu bermula dengan keraguan kerana terdapat ilmu yang benar-benar yakin dan mutlak iaitu ilmu daripada wahyu Ilahi.

⁶² Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa epistemologi Islam membentuk disiplin-disiplin ilmu eksklusif berasaskan pandangan alam Islam yang berpandukan sumber wahyu. Oleh kerana itu, sebagai contoh dapat dilihat tamadun Barat tidak mampu mengaplikasikan ilmu faraid atau menghasilkan metode ta’dil dan tarjih dalam ilmu hadith. Orang Islam pula sangat sukar menerima teori-teori yang menyalahi wahyu seperti hipotesis evolusi darwin, kebenaran dikotomi objektif-subjektif, doktrin pan-seksualisme Freud dan pelbagai lagi. Lihat; Nahrawi bin Kassim & Mohd Khir Johari bin Abas, “Epistemologi Islam: Satu Perbandingan Antara Sumber Dan Tabiat Dengan Peradaban Barat Serta Implikasi,” 64.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, jelas wujud perbezaan pandangan alam barat dengan pandangan alam tempatan dan keperluan melakukan proses dekolonisasi iaitu menyahbaratkan elemen sekular serta kembali membina keilmuan dan sistem melalui pemaotan kepada kearifan tempatan terutamanya dalam falsafah ilmu. Setiap topik-topik kursus Falsafah dan Isu Semasa mempunyai peranan dan keterikatan bagi memansuh pengaruh kolonial dan membentuk ilmu berdasarkan kearifan tempatan. Apa yang lebih menarik, keilmuan berlatar kearifan tempatan menyediakan segunung khazanah yang sangat lumayan untuk dihayati bersama.

Sebagai khulasoh analisa keseluruhan bab ini, bahagian satu (bab satu sahaja) yang menyentuh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan falsafah sejahtera yang terkandung dalam Rukun Negara. Kedua-duanya boleh dikatakan sebagai model falsafah negara yang dibina berdasarkan kearifan tempatan bagi membina individu, masyarakat, negara dan seterusnya tamadun manusia yang gemilang. Dua kursus baharu yang diperkenalkan ini (Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban) melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan falsafah dalam Rukun Negara turut memainkan peranan kursus yang diganti iaitu Tamadun Islam dan Asia Tenggara (TITAS) serta Hubungan Etnik.

Usahlah lagi beranggapan bahawa ilmu falsafah sebagai ilmu yang sukar, melangit dan tidak praktikal. Binalah paradigma baharu yang lebih segar dalam usaha memahami dan mengaplikasikannya dalam kehidupan. Apatah lagi keperluannya dalam cabaran menghadapi ideologi dan permasalahan semasa. Fahami dan hayatilah usaha para pemikir dan cendekiawan tempatan dalam perjuangan membentuk masyarakat melalui jalan ilmu.

Kepada para pensyarah kursus Falsafah dan Isu Semasa khususnya, sahutlah seruan jihad ilmiah menyambung rantaian usaha membuang pengaruh sekularisme selain membentuk dan mencipta ilmu baharu berdasarkan kerangka kearifan tempatan. Jadikan peluang mengajar kursus Falsafah dan Isu Semasa ini sebagai platform untuk membentuk pandangan alam anak bangsa bagi melahirkan insan yang tinggi daya keintelektuan disulami kemolekan budi pekerti seterusnya membentuk masyarakat yang utuh. Susur inilah yang menjadi batu bata pembinaan tamadun yang gemilang. Sebuah peradaban yang cemerlang dikenali dengan ketinggian akal budi serta keluhuran budi pekerti insan-insan beradab sebagai elemen penting peradaban tersebut.

Rujukan

- Abdul Rahman Haji Abdullah. *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2005.
- Abū al-Hasan. 'Ali bin Muhammad al-Jurjāni. *Al-Ta'rifāt*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001, 3:4.
- Adam Badhrulhisham. "Islamisasi Negara Malaysia Dalam Konteks Gagasaan Islamisasi Ilmu Syed Muhammad Naquib al-'Attas: Satu Tinjauan." *Jurnal 'Ulwan*, Jilid 1 (2017).
- Adian Husaini. *Filsafat Ilmu Perspektif Barat dan Islam*. Jakarta: Gema Insani, 2013.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Islamic Civilization (ISTAC), 1993.

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dan Sekularisme*. Terj., Khalif Muammar A. Harris. Kuala Lumpur: RZS-CASIS.HAKIM, 2020.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangssa Pemikiran dan Tamadun Islam, 2001.
- Al-Bajuri, Ibrahim. *Tuhfah al-Murid Hashiyah 'ala Jawhar al-Tawhid*. Kaherah: Dar al-Salam, 2002M/1422H.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad ibn Husayn. *Al-Sunan al-Kubra li al-Bayhaqi*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dar al-Baar, 1994.
- Al-Fatani, Daud bin 'Abd Allah. *Al-Durr al-Thamin: Permata yang Indah*, dirumikan oleh Noraine Abu dan Mashadi Masyuti. Batu Caves: Al-Hidayah, 2011.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.
- American Humanist Association. "Definition of Humanism," laman *American Humanist Association: Good Without a God*. Pautan; <https://americanhumanist.org/what-is-humanism/definition-of-humanism/>
- Amran Muhammad. "Sejauh Mana Universiti Tempatan Boleh Direformasi Dari Paradigma Descartes yang Egoistik dan Ilmu yang Eurosentrik." *Naratif Nusantara* Siri 52. Pautan: <http://www.issimalaysia.org.my/naratif-nusantara-siri-51-kemerdekaan-ilmu-melalui-dekolonialisasi-dan-kritik-ilmu-sebagai-agenda-kesarjanaan-dan-penyelidikan-nasional-2/>.
- Azmi Aziz. "Isu-isu Agama dan Sekularisme Dalam Ruang Sosio-Politik di Malaysia." *Jurnal Geografia* 12, no 14 (2016).
- Azmil Zainal Abidin. "Tafsiran Eksistensialisme Terhadap Makna Kewujudan Manusia: Tinjauan Menurut Perspektif Pemikiran Islam," dalam *E-Proceeding International Conference on Postgraduate Research 2016* (ICPR2016).
- Che Zarrina & Mohd Manawi. "Beberapa Persoalan Berkaitan Konsep Insan." *Afkar* Vol. 19 Special Issue (2017).
- Edmund Demaitre. "An Inconclusive Dialogue." dalam *Problems of Communism* Vol. 20, Issue 5 (1971).
- Friedrich Nietzsche. *Antichrist*. New York: Dover Publications, 2018.
- Hafiz Zakariya. "Kegemilangan Tamadun Islam Dan Sumbangannya Terhadap Pembinaan Tamadun Barat," *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol 6 Bil 2 (2019).
- Hazim Shah, Transkrip Video Rujukan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa Kuliah 5: Metafizik, 1.
- Imam Abdul Fattah Imam. Ed. Mohamad Kamil Ab Majid. "Epistemologi: Satu Perbincangan Awal." *Afkar* Bil. 1 (2000).
- John J. Mitchell. *Adolescence: Some Critical Issues*. Canada: Holt, Rinehart and Winston, 1971.
- Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar. "Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat." *International Research Management and Innovation Conference 2014* (IRMIC2014) KL, 17-18 November 2014.
- Khairiah Mohd Yassin. "Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam," *Jurnal MANU* 20, (2014), 41.

- Khalid Ismail. dalam *Diskusi Falsafah Siri 1* di UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau pada 14 Februari 2020.
- M. Syukri Ismail. "Kritik Terhadap Sekularisme," *Kontekstualita* Vol. 29, No.1, (2014).
- Mohd Radhi Ibrahim. "Memahami Sains Islam Melalui Pembentukan Kerangka Ilmu Dalam Epistemologi Islam." *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* Vol. 20 (2) Special Issue (2019).
- Mohd Zaidi Ismail. "Faham Ilmu Dalam Islam: Pengamatan Terhadap Tiga Takrifan Utama Ilmu," *Afkar* Vol 10 No 1 (2009).
- Muchlis Arifandy. "Perbandingan Epistimologi Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Menurut Islam dan Barat." *ResearchGate* (2018).
- M. Hasyim Mustamin, "Dualisme Dalam Pendidikan dan Pengaruhnya Terhadap Pembentukan Nilai dan Identiti Pelajar," Kertas konferen *The 5th Isdev International Graduate Workshop* (Ingraw 2010), anjuran ISDEV, Universiti Sains Malaysia pada 21 – 22 September 2010 di University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Muhammad Rashidi & Mohd Fauzi. "Kedudukan Ilmu Mantik dalam Pemikiran Islam," *Afkar* Vol. 22 Issue 2 (2020).
- Mujiyono Abdillah. *Agama Ramah Lingkungan: Perspektif al-Quran*. Jakarta: Paramadina, 2001.
- Nahrawi bin Kassim & Mohd Khir Johari bin Abas. "Epistemologi Islam: Satu Perbandingan Antara Sumber Dan Tabiat Dengan Peradaban Barat Serta Implikasinya." Dalam *Prosiding Seminar Akademik PSIS 2014* anjuran Politeknik Sultan Idris Shah.
- Rafy Sapuri. *Psikologi Islam Tuntutan Jiwa Manusia Moden*. Jakarta: Rajawali Pers, 2009.
- Salim T.S. Al-Hassani. *1001 Inventions: The Enduring Legacy of Muslim Civilization*. Washington, D.C.: National Geographic, 2012.
- Samuel Enoch Stumpf. *Socrates to Sartre: A History of Philosophy*. United States of America: McGraw-Hill Companies, Inc., 1999.
- Ugi Suharto. "Al-Attas dan al-Qaradawi Mengenai Islam dan Sekularisme." *Afkar* Bil.3 (2002).
- Wan Adli Wan Ramli. Wan Adli Wan Ramli. *Pemikiran Islam dan Barat Moden: Analisis Terhadap Pragmatisme*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Zaki Najib Mahmud. *Nazariyyah al-Ma'rifah*. Kaherah: Hindawi, 2018.
- Zulkifli Ismail. *Ancaman Bahaya Sekularisme, Sebuah Peringatan Tentang Kesesatan Sekularisme dan para Penggiatnya di Malaysia*. Melaka: Baitul Qurro Wa al-Fuqaha', 2014.